



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

Ai

EDISI 12


JUN 2024

BULETIN APB

e-ISSN: 2682-7948

*Social Media
in Teaching and Learning*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Pembelajaran Aktif Melalui Penggunaan Media Sosial

**ROZIANIWATI YUSOF, NORHAFIZAH HASHIM, SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS,
NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH & NORMAZIAH ABDUL RAHMAN**
UiTM KAMPUS SEREMBAN

Internet telah mengubah gaya hidup seseorang secara 360 darjah, di mana mereka bergantung kepada teknologi di dalam kehidupan sehari-hari. Mereka tidak tegar untuk menjalani kehidupan sehari-hari tanpa internet terutamanya dalam penggunaan aplikasi media sosial. Terdapat pelbagai aplikasi popular yang digunakan seperti Facebook, Instagram, Twitter, TikTok, YouTube, LinkedIn, ResearchGate, Telegram dan WhatsApp. Penggunaan aplikasi-aplikasi tersebut juga semakin meningkat dari hari ke hari untuk pelbagai tujuan. Aplikasi media sosial juga digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di mana salah satu tujuannya ialah untuk meningkatkan penglibatan pelajar sewaktu aktiviti PdP. Dalam era digital ini, para pensyarah lebih terbuka untuk menggunakan media sosial sebagai salah satu platform untuk membantu PdP yang membolehkan pelajar bersikap lebih terbuka dan fleksibel.

Proses PdP pada kebiasaan dilaksanakan di dalam kelas dan kebanyakan pelajar lebih pasif ketika proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, penglibatan aktif pelajar-pelajar adalah amat penting dalam memastikan proses pembelajaran yang lebih berkesan. Ini juga membantu para pensyarah untuk mengetahui sejauh mana pelajar tersebut memahami topik yang diajar. Oleh itu, dengan keterujaan para pelajar menggunakan aplikasi media sosial, aplikasi ini telah menjadi sebagai salah satu medium yang sesuai untuk proses PdP. Tambahan lagi, kebanyakan pelajar kerap kali menggunakan media sosial untuk menghubungi rakan-rakan serta keluarga. Dengan itu, adalah rasional untuk menggalakkan para pelajar menggunakan media sosial bagi proses pembelajaran sama ada di dalam atau di luar kelas.

Terdapat pelbagai ciri aplikasi media sosial yang membantu pelajar untuk terlibat dengan aktif dalam proses pembelajaran. Antaranya:

Forum: Pelajar dapat berbincang secara langsung berkaitan topik yang diutarakan oleh pensyarah, bertanya soalan serta berkongsi segala bahan pembelajaran yang diperoleh. Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis serta kebolehan penilaian kemahiran diri. Contoh platform: Facebook, LinkedIn.



Polls dan survey (Tinjauan dan Pendapat): Pelajar dapat memberi maklum balas dengan kadar segera, sebagai contoh, maklum balas untuk topik yang diajar pada hari tersebut. Contoh platform: Facebook, Twitter, Telegram, WhatsApp, Instagram.

Mesej: Pelajar dapat menghantar mesej untuk bertanya soalan secara terus kepada pensyarah atau rakan-rakan berkenaan hal pembelajaran. Secara tidak langsung, ia akan dapat membina keyakinan diri serta menjadi motivasi kepada pelajar untuk lebih memahami bidang tertentu. Contoh platform: WhatsApp, Telegram, Facebook, Instagram.

Perkongsian siaran langsung (Live): Selain pembelajaran di dalam kelas, proses PdP boleh dilaksanakan secara langsung melalui media sosial dan pelajar boleh bertanya soalan secara terus ketika siaran langsung sedang berjalan atau setelah selesai. Contoh platform: YouTube, Instagram, Facebook, TikTok.

Collaborative Editing (Penyuntingan Kolaboratif): Pelajar dapat berbincang serta membuat tugas bersama rakan-rakan walaupun terdapat halangan daripada sudut jarak atau masa. Ini membolehkan pelajar memperlihatkan kebolehannya semasa melakukan tugas. Fungsi ini juga membolehkan proses '*'brainstorming'* dilakukan tidak kira masa dan tempat antara pelajar-pelajar dan juga pensyarah. Contoh platform: Google Docs.

Gamifikasi: Permainan interaktif boleh menggalakkan pelajar terlibat secara aktif di dalam pembelajaran. Terdapat beberapa platform yang menyediakan permainan interaktif melalui media sosial, antaranya Kahoot! dan Quizizz.

Kumpulan sokongan: Melalui media sosial, pelajar berpeluang untuk berkomunikasi dengan pakar-pakar dalam bidang tertentu. Secara tidak langsung, ia turut mendedahkan pelajar kepada situasi yang sebenar dan melibatkan diri dengan pakar-pakar bidang tersebut. Pelajar berpeluang untuk mendapat ilmu yang lebih berbanding di dalam kelas sahaja. Contoh platform: Facebook.



Oleh itu, penggunaan medial sosial merupakan cara terbaik untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran bagi memastikan pelajar dapat melibatkan diri dalam sesi pembelajaran secara lebih aktif tidak kira di dalam atau di luar kelas. Dengan ini, para pensyarah dapat memantau kebolehan serta mengenalpasti tahap kefahaman seseorang pelajar. Walau bagaimanapun, pensyarah perlulah lebih kreatif dalam menyesuaikan bahan untuk topik pembelajaran di media sosial.

Rujukan

- Alalwan, N. (2022). Actual use of social media for engagement to enhance students learning. *Education and Information Technologies*, 9767-9789. (<https://doi.org/10.1007/s10639-022-11014-7>)
- Kenan, J. (2023). 15 ways to use social media for education. (<https://sproutsocial.com/insights/social-media-for-education/>).
- Rasheed, M.I., Malik, M.J., Pitafi, A. H. (2020). Usage of social media, student engagement, and creativity: The role of knowledge sharing behavior and cyberbullying. *Computers and Education*, 159, 1-12. (<https://doi.org/10.1016/j.compedu.2020.104002>)
- Shafiq, M., Parveen, K. (2023) Social media usage: Analyzing its effect on academic performance and engagement of higher education students. *International Journal of Educational Development*, 98, 1-9.